



## **TERDIRINYA KOLEJ ISLAM MALAYA DENGAN BANGSA MELAYU DARI MASALAH TERDIRINYA TIANG UNIVERSITI**

(Oleh Muḥammad Ḥusīn ‘Alī)

Bukan sahaja soal merdeka kita harus perhatikan dari ini, tetapi kita mesti merenung dan memandang arah hadapan, berfikir dengan teliti perkara yang sedang berlaku dan akan berlaku. Misalnya soal terdirinya universiti Cina, dan bagaimanakan perasaan jiwa kita orang Melayu dengan terdirinya tiang universiti itu bertapak dalam tanah air kita?

Kita harus mengerti bahawa mengikut riaknya sekarang, kaum Cina di Malaya berniat dalam kepercayaan mereka akan memimpin perkara politik, sosial, iktisad dan pelajaran berbentuk dan bercorak kecinaan. Jadi dengan berjalannya tiang universiti Cina ini, maka pelajaran Cina akan jadi sendi yang penting di tanah air kita ini kerana hakikat dan kesan rancangan tiang universiti Cina akan tetap menimbulkan natijah yang tidak diingini oleh umat Melayu.

Ya! Di tengah-tengah kebimbangan dan kekhuatiran yang sedang meresap ke hati atas terdirinya tiang universiti

Cina, kerana pengaruh yang amat mendukacitakan kita pada masa yang akan datang nanti, maka zahirlah sebuah gedung Islam dan kebangsaan Melayu iaitu Kolej Islam Malaya yang telah diidam-idamkan sebagai satu tujuan yang besar dapat mempertahankan segala hak-hak agama Islam dan bangsa Melayu.

Tuan Dhūlkifli Muḥammad, Setiausaha Kolej Islam Malaya pernah berkata: Bahawa salah satu pendorong terdirinya kolej ini ialah rasa kasih dan cinta kepada agama Islam, bangsa dan tanah air.

Dengan terdirinya Kolej Islam Malaya seperti gambar yang tersergam di atas ini, adalah satu kemenangan yang payah akan dilupai di dalam sejarah pergerakan agama dan bangsa Melayu selepas peperangan yang kedua ini.

Keuzuran bangsa kita dalam zaman yang silam itu tidaklah boleh disalahkan kepada sesiapa, kerana soal hendak mengadakan sebuah gedung ilmu yang terbesar sekali yang mengandungi beberapa buah cawangan sekolah itu, bukanlah masalah yang mudah, malahan berat dan berhajat kepada banyak

*Gambar kenang-kenangan di tepi Danau*

*Toba yang indah. Dari kanan,*

*Tuan-tuan Muhammad Asri (Malaya),*

*Professor Teo ( Belanda) dan*

*wartawan Abdullah Husin pengarang*

*Majalah "Qalam" Singapura.*

*Wartawan Abdullah Husin*

*telah melangsungkan perkahwinannya*

*pada 14 Ogos yang lalu dengan*

*Seniwati Zaiton –Selamat*

*pengatin baharu.*



perbelanjaan bermillion-million wang tunai untuk mendirikan bangunan-bangunan yang tinggi tersergam, membeli alat-alat pelajaran serta menyediakan guru-guru yang bijaksana.

Dalam hal yang demikian hingga sekarang dengan keras kemahuan serta berat kerjasama masing-masing sendang berderma dengan pelbagai cara harta dan tenaga untuk Kolej Islam. Ini menunjukkan perjuangan Islam dan kebangsaan Melayu menuju taraf kemerdekaan hampir dekat. Aneka ilmu pengetahuan tinggi yang diajarkan di dalamnya itulah yang menjadi senjata yang pertama sekali untuk menyelenggara negara yang merdeka.

Bangsa kita yang sedang bergerak dengan serentaknyanya menuntut kemerdekaan tanah air yang memangnya hak suci kita amat gembira melihat kesedaran yang membawa terdirinya gedung agama Islam tempat sinaran agama Islam. Kesatuan yang teguh dari segala peringkat umat: dari golongan raja, orang besar, hingga ke segala kaum tani, kaum buruh dan seterusnya sangat dikehendaki bagi menambah tenaga dan usaha kerana menjayakan dan memajukan Kolej Islam Malaya sampai tinggi setinggi-tingginya menjadi sebuah universiti Islam dalam erti kata yang sepenuhnya.

###

## SURAT AKUAN

Saya H.M.D. al-Ahmadi,

146 Pasir Emas, Kelantan mengucapkan

terima kasih kepada tuan tabib yang

tersebut di bawah ini kerana menyembuhkan

penyakit buasir yang saya telah hadapi selama lingkungan 25

tahun. Buasir saya telah digururkan dengan tak payah dipotong

dan tidak berasa sakit dalam tempoh 12 hari sahaja.

Yang demikian saya syorkan kepada saudara-saudara sekalian yang ada

menghidap penyakit ini, silalah datang berjumpa dengan segera

kepada tabib tersebut. Insha Allah akan memuaskan. Yang Benar

H.M.D al-Ahmadi 30.11.54

Tabib H.G Mustaffa

Punjab Medical Hall,

280, Victoria Street, SINGAPORE 7. Tel. 80444

###

